

Bil. S 7

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2019

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 7
 3. Penggantian bab 3
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANUN PERATURAN JENAYAH (PINDAAN), 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Peraturan Jenayah (Pindaan), 2019 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah (Pindaan), 2019.

Pindaan bab 2 dari Penggal 7

2. Bab 2 dari Kanun Peraturan Jenayah, dalam Perintah ini disebut sebagai Kanun itu, adalah dipinda, dalam ceraihan (1), dengan memasukkan tafsiran baru yang berikut sejurus selepas tafsiran “Registrar” —

“ “Pegawai Penguatkuasa Agama” mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184);”.

Penggantian bab 3

3. Bab 3 dari Kanun itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Perbicaraan kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah dan undang-undang lain

3. (1) Semua kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22) hendaklah —

(a) disiasat menurut —

(i) peruntukan-peruntukan Kanun ini; atau

(ii) peruntukan-peruntukan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, 2018 (S 9/2018) setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Kanun ini; dan

(b) dibicarakan menurut peruntukan-peruntukan Kanun ini.

(2) Semua kesalahan di bawah sebarang undang-undang lain hendaklah disiasat dan dibicarakan menurut peruntukan-peruntukan Kanun ini, tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis lain yang pada masa ini berkuat kuasa yang mengawal selia cara atau tempat menyiasat atau membicarakan kesalahan-kesalahan tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud cerai (1)/a/, seseorang Pegawai Penguat-kuasa Agama hendaklah mempunyai semua kuasa seseorang pegawai polis di bawah Kanun ini.”.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 2 haribulan April, 2019 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.